

16 APR 1997

Umno-Naib

ADAKAH MT AKAN BINCANG KEDUDUKAN MUHD TAIB BULAN DEPAN?

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Ibu pejabat Umno belum pasti sama ada kedudukan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib sebagai Naib Presiden parti akan dibincangkan pada mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi parti itu yang akan datang atau sebaliknya.

Setiausaha Agung parti Datuk Sabbaruddin Chik semasa dihubungi berkata: "Perkara ini mungkin dibincang dan mungkin juga tidak dibincangkan." Mesyuarat majlis itu yang lepas ialah Sabtu lalu.

"Buat masa ini agenda mesyuarat akan datang belum lagi ditetapkan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan parti itu akan membincangkan keputusan Muhammad untuk terus memegang jawatan Naib Presiden yang dimenangnya pada pemilihan parti Oktober lepas itu.

Muhammad telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar, Ketua Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional Negeri Selangor serta Wilayah Persekutuan berkuatkuasa Isnin lepas.

Muhammad sedang menghadapi dua pertuduhan di mahkamah Brisbane, Australia. Satu daripadanya ialah dakwaan gagal mengisytiharkan wang bernilai sejumlah RM2.4 juta pada 22 Dis lepas semasa hendak meninggalkan negara itu. Beliau juga dijangka menghadapi tuduhan membuat kenyataan palsu apabila hadir di mahkamah Ogos depan.

Ketika mengumumkan peletakan jawatannya Isnin lepas, Muhammad berkata beliau tidak mahu kes yang dihadapinya itu dikaitkan dengan parti dan kerajaan.

Anwar semalam berkata Muhammad telah menemui beliau dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan memberi penjelasan tentang keputusannya untuk terus memegang jawatan Naib Presiden Umno.

"Kita menghormati keputusannya itu dan oleh kerana ini adalah hal parti, ia patut dibincangkan sebagai satu urusan parti," kata Anwar.

Oleh kerana hal itu adalah soal parti, ia akan diputuskan dalam parti, katanya lagi.

Tiada peruntukan dalam Perlembagaan Umno mengenai kuasa Majlis Tertinggi untuk melucutkan jawatan seseorang anggotanya termasuk Presiden dan Timbalan Presiden.

Bagaimanapun Fasal 7.13 perlembagaan itu menyatakan: "Jawatan Ahli-ahli Majlis Tertinggi termasuk Presiden dan Timbalan Presiden boleh dilucutkan atau Majlis tertinggi dibubarkan oleh Perhimpunan Agung Khas dengan undian tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli yang berhak hadir."

Pada senario yang berlaku pada Julai 1974, Majlis Tertinggi telah melantik Tengku Razaleigh Hamzah, yang ketika itu seorang anggota majlis itu, bagi mengisi kekosongan jawatan Naib Presiden yang dikosong oleh Tun Hussein Onn (Datuk pada masa itu).

Kekosongan itu berlaku apabila Tun Hussein dilantik sebagai Timbalan Presiden parti berikutan kematian Tun Dr Ismail Abdul Rahman. -- BERNAMA

SJA NMO